

Kit Siang selar kenyataan perkauman Soi Lek, tegaskan PRU 13 pertandingan dua parti

Malaysian Insider

May 5, 2013

Oleh Ida Lim dan Mohd Farhan Darwis

SKUDAI, 6 Mei — Lim Kit Siang menyelar seteru politiknya Datuk Seri Dr Chua Soi Lek kerana mengatakan kemenangan pembangkang di Johor adalah pertarungan antara dua bangsa, sebaliknya menegaskan Pilihan Raya 2013 adalah pertarungan Pakatan Rakyat (PR) dan Barisan Nasional (BN).

Chua Soi Lek cuba untuk memberikan gambaran sistem dua kaum.

“Ini sistem dua parti,” kata Lim dengan tegas ketika bercakap sebagai pemberita di Hotel GoodHope di sini selepas memenangi kerusi Gelang Patah lewat malam tadi.

Pemimpin veteran DAP itu menuduh Dr Chua mempengaruhi bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

“Saya percaya Mahathir dipengaruhi Chua Soi Lek,” kata Lim merujuk kepada tuduhan Dr Mahathir yang mengatakan tujuan Kit Siang ke Gelang Patah untuk mewujudkan “konfrontasi kaum” dengan pertempuran antara Cina dan Melayu.

Sejam sebelum itu, dalam kenyataan sebelum Lim memberikan respon, Chua di laman Twitternya menulis “2 kaum sekarang. MCA akan menghormati keputusan pengundi jika kami tidak menjadi lebih baik berbanding PRU sebelum ini, kami tidak akan mengambil sebarang jawatan dalam kerajaan.”

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kit-siang-selar-kenyataan-perkauman-soi-lek-tegaskan-pru-13-pertandingan-dua-parti/>